

# AXOL LIQUID

Ambroxol Hydrochloride (3mg/ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan AXOL LIQUID
2. Bagaimana AXOL LIQUID berfungsi
3. Sebelum menggunakan AXOL LIQUID
4. Cara menggunakan AXOL LIQUID
5. Semasa menggunakan AXOL LIQUID
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan AXOL LIQUID
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan AXOL LIQUID

AXOL LIQUID adalah ubat yang digunakan dalam rawatan kesukaran pernafasan yang melibatkan kahak pekat.

## Bagaimana AXOL LIQUID berfungsi

AXOL LIQUID mengandungi Ambroxol, yang dapat membantu mencairkan kahak yang pekat dan melegakan simptom-simptom seperti kesukaran mengeluarkan kahak, batuk dan kesukaran pernafasan.

## Sebelum mengambil AXOL LIQUID

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah terhadap Ambroxol Hydrochloride atau bahan-bahan lain yang disenaraikan dalam produk ini.

### -Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi jika anda ingin menggunakan AXOL LIQUID bersama dengan ubat lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda ada mengambil ubat-ubat lain, termasuklah ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

## Cara menggunakan AXOL LIQUID

### -Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak lebih 10 tahun: 10ml (2 sudu teh).

Kanak-kanak 5-10 tahun : 5ml (1 sudu teh).

2-5 tahun: 2.5ml (1/2 sudu teh).

Bawah 2 tahun: 2.5ml (1/2 sudu teh).

### -Bila perlu digunakan

Ambil AXOL LIQUID 2 ke 3 kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil bersama atau tanpa makanan.

### -Berapa lama perlu digunakan

AXOL LIQUID perlu diambil megikut nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos AXOL LIQUID, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah mendekati masa pengambilan dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan teruskan dengan jadual pengambilan ubat seperti biasa. Jangan mengambil dos berganda pada masa yang sama untuk menggantikan dos yang terlupa di ambil.

### -Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Unit Kecemasan di hospital terdekat anda jika anda mengesyaki anda atau orang lain mungkin telah mengambil ubat ini dengan terlalu banyak. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan segera.

## Semasa menggunakan AXOL LIQUID

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa seperti anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Manfaat penggunaan ubat ini di kalangan wanita hamil semasa trimester pertama perlu dipertimbangkan dengan risiko terhadap janin. Rujuk doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengandung atau menyusukan bayi.

## Kesan-kesan sampingan

Ketidakselesaan abdomen, sakit perut, cirit-birit, loya, muntah, sembelit dan masalah penghadaman. Kesan-kesan sampingan yang lain seperti ruam kulit, kegatalan dan kemerahan kulit juga pernah dilaporkan.

AXOL LIQUID boleh menyebabkan alahan teruk dan tindak balas kulit yang serius. Berhenti menggunakan AXOL LIQUID dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

- 1) Alahan yang teruk: sesak nafas, pening, kulit bengkak atau ruam.
- 2) Reaksi kulit yang teruk: kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### -Penyimpanan

Simpan dalam bekas yang ketat dan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

### -Pelupusan

AXOL LIQUID perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah melepasi tarikh luput. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

# AXOL LIQUID

Ambroxol Hydrochloride (3mg/ml)

---

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Jernih, cecair tidak berwarna ke kekuningan.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Ambroxol Hydrochloride

-Bahan tidak aktif:

Methyl Paraben

Propyl Paraben

Purified Water

Sucralose

Citric Acid

Ethanol

Glycerine

Propylene Glycol

Grape Essence

Sorbitol

### -Nombor MAL

MAL19940741X

## **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

30/08/2018

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)030818/00225